

“Travel & Win with FPX” (“PROMOSI”) TERMA DAN SYARAT PROMOSI

PENGANJUR

1. Promosi ini dianjurkan oleh **PAYMENTS NETWORK MALAYSIA SDN. BHD. (No. Syarikat.: 200801035403 (836743-D) (“PayNet”)** bersama-sama **MALAYSIA AIRLINES BERHAD (No. 201401040794 (1116944-X)) (“MAB”)** dan **PUBLIC BANK BERHAD (No. Syarikat 6463-H) (“PBB”)** (secara kolektif dirujuk sebagai “Penganjur”).
2. Dengan menyertai Promosi ini, peserta dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan terma dan syarat Promosi ini, Notis Perlindungan Data seperti yang diperincikan di bawah, dan semua pindaan, penambahan, penggantian, pemotongan dan pengubahsuaian ("Terma dan Syarat") sebagaimana yang dibuat dari semasa ke semasa oleh Penganjur dan akan terikat dan mematuhi keputusan Penganjur.

TEMPOH PROMOSI

3. 30th January 2020 until 29th February 2020

SYARAT KELAYAKAN UNTUK MENYERTAI PROMOSI

4. Seorang peserta mestilah ahli Enrich Malaysia Airlines dengan ID Enrich yang sah (“Peserta”). Sekiranya anda bukan ahli, sila mendaftar untuk keahlian Enrich Malaysia Airlines untuk layak menyertai Promosi ini.
5. Hanya Peserta yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas sahaja, dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah (contohnya: kad pengenalan atau pasport) layak untuk menyertai Promosi ini.
6. Peserta juga mesti mempunyai akaun perbankan Internet yang aktif dengan mana-mana bank peserta FPX semasa Tempoh Promosi sehingga tempoh penebusan Hadiah Promosi.
7. Para Peserta hendaklah mematuhi syarat kelayakan penyertaan seperti yang tertera diatas bagi melayakkan diri sebagai "Peserta yang Layak".
8. Pengarah, pegawai dan kakitangan termasuk ibu bapa, isteri atau suami dan anak-anak Penganjur tidak layak untuk menyertai Promosi ini.

KRITERIA KELAYAKAN PROMOSI

Kriteria untuk memenangi Hadiah Utama, Kedua & Ketiga	Kriteria untuk memenangi Hadiah Harian
<ul style="list-style-type: none">- Perbelanjaan minimum RM100.00 melalui Platform MAB – <u>Laman web dan aplikasi mobil</u> (dalam satu (1) transaksi) menggunakan kaedah pembayaran FPX.- Tiada had kepada bilangan Transaksi FPX yang boleh dibuat oleh Peserta Yang Layak sepanjang Tempoh Promosi.	<ul style="list-style-type: none">- Semua transaksi FPX yang berjaya (pembelian melalui Platform MAB – <u>Laman web dan aplikasi mobil</u>) <u>salam satu (1) transaksi</u> semasa Tempoh Promosi secara automatik layak meyertai.- Tiada had kepada bilangan Transaksi FPX yang boleh dibuat oleh Peserta Yang Layak sepanjang Tempoh Promosi.

Kriteria untuk memenangi Hadiah Utama, Kedua & Ketiga	Kriteria untuk memenangi Hadiah Harian
<ul style="list-style-type: none"> - Megisi borang peraduan berserta dengan butiran lengkap yang diperlukan dan melengkapkan slogan berkaitan dengan Malaysia Airlines. - Pemenang bagi kategori ini akan dipilih berdasarkan slogan yang terbaik dan kreatif dari penyertaan yang diterima. 	<ul style="list-style-type: none"> - Megisi borang peraduan berserta dengan butiran lengkap yang diperlukan dan melengkapkan slogan berkaitan dengan Malaysia Airlines. - Pemenang harian akan dipilih berdasarkan <u>nilai</u> transaksi harian tertinggi yang dibuat oleh Peserta Yang Layak pada hari tersebut sepanjang Tempoh Promosi.

9. Urus niaga/Transaksi FPX mesti dibuat dalam Tempoh Promosi dan mematuhi kriteria kelayakan penyertaan seperti yang dinyatakan di dalam Terma & Syarat Promosi ini, untuk dikira sebagai penyertaan yang layak ~~sat~~ ~~u~~ ("Penyertaan yang Layak"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi adalah tidak sah dan akan dibatalkan.

HADIAH

Hadiah untuk Promosi ini adalah:

KATEGORI HADIAH	KETERANGAN
HADIAH UTAMA: SEORANG PEMENANG	<p>a. 7 Hari 6 Malam ke London <u>untuk dua orang</u> (penerbangan pergi balik dengan kabin suite perniagaan Termasuk penginapan di Intercontinental London Park Lane, sarapan harian, pengangkutan pergi balik ke lapangan terbang, khidmat pemandu pelancong Inggeris yang disewa khas, 1 lawatan ke tempat pelancongan, 4 tiket masuk ke 4 tempat menarik (iaitu: Stonehenge, Roman Bath, Tempat Kelahiran Shakespeare dan The Cotswolds)</p> <p>+ 80,000 Enrich Mata Ganjaran Miles</p>
HADIAH KEDUA: SEORANG PEMENANG	<p>a. 5 Hari 4 Malam ke Sydney <u>untuk dua orang</u> (penerbangan pergi balik dengan <i>kabin kelas ekonomi</i>) Termasuk penginapan di Amora Hotel Jamison, sarapan harian, pengangkutan pergi balik ke lapangan terbang, pelayaran sungai untuk 1 <i>Blue Mountains & Wildlife Experience</i> dan elaun untuk lawatan pilihan dan elaun makan)</p> <p>+ 50,000 Enrich Mata Ganjaran Miles</p>
HADIAH KETIGA: SEORANG PEMENANG	<p>a. 5 Hari 4 Malam ke Bali <u>untuk dua orang</u> (penerbangan pergi balik dengan <i>kabin kelas ekonomi</i>) Termasuk penginapan di Plataran Ubud Hotel & Spa, sarapan harian, makan tengah hari dan malam harian, pengangkutan pergi balik ke lapangan terbang, lawatan bersama-sama pemandu pelancong serta tiket untuk masuk ke tempat tertentu)</p> <p>+ 30,000 Enrich Mata Ganjaran Miles</p>

KATEGORI HADIAH	KETERANGAN
HADIAH HARIAN: 62 ORANG PEMENANG (2 PEMENANG SETIAP HARI SEPANJANG TEMPOH PROMOSI)	a. 11,000 Enrich Mata Ganjaran Miles untuk setiap pemenang

10. Selain yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, sebarang penggantian atau pengubahsuaian kepada Hadiah tidak dibenarkan
11. Untuk hadiah tiket penerbangan, butiran penumpang pertama hendaklah sama seperti nama pemenang. Sebarang perubahan atau pindah milik hadiah tidak dibenarkan.
12. Pemenang tidak dibenarkan untuk menukar Hadiah dengan wang tunai.
13. Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan Hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.

PROSES PEMILIHAN PEMENANG & PENEBUSAN HADIAH

14. MAB akan memilih pemenang Hadiah Utama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga berdasarkan slogan terbaik dan paling kreatif dari peyertaan yang diterima daripada Peserta yang Layak sepanjang Tempoh Promosi berdasarkan kelayakan peyertaan.
15. Pemenang hadiah harian akan dipilih berdasarkan nilai transaksi FPX harian tertinggi yang dibuat oleh Peserta Yang Layak bagi setiap hari sepanjang Tempoh Promosi. Pemenang Hadiah Harian juga layak untuk memenangi Hadiah Utama, Kedua dan Ketiga. Tetapi Pemenang Hadiah Harian hanya layak memenangi hanya SATU (1) hadiah harian sepanjang Tempoh Promosi.
16. Pemenang-pemenang akan dihubungi dan dimaklumkan oleh MAB melalui e-mel dan panggilan telefon sewaktu hari bekerja pada akhir Tempoh Promosi. MAB akan menyiarkan nama-nama senarai Pemenang melalui saluran komunikasi mereka selepas pengumuman nama-nama pemenang dibuat.
17. Sebarang perbelanjaan, caj dan kos sampingan berkaitan dengan Hadiah akan ditanggung oleh Pemenang.
18. Hadiah mesti dituntut dalam masa satu (1) bulan dari tarikh pengumuman dibuat. Sekiranya hadiah tidak diterima atau dituntut dalam tempoh yang ditetapkan, Penganjur berhak melucutkan hak pemenang tersebut dan menarik balik Hadiah.
19. Semua Hadiah yang tidak dituntut akan ditarik balik dan apa-apa pertanyaan selepas itu tidak akan dilayan. Tiada bayaran gantirugi akan diberi untuk Hadiah yang tidak dituntut.
20. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan pemenang, hadiah yang disediakan dan pelucutan hak kepada Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

PERLINDUNGAN DATA

21. Dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan yang telah ditutupkan dan butir-butir pengenalan diri mereka yang lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti..
22. Penganjur mungkin menggunakan perkhidmatan pihak ketiga untuk memproses data peribadi Peserta jika diperlukan) tidak terhad kepada agen pihak Penganjur atau mana-mana institusi kewangan di Malaysia, di mana pihak ketiga tersebut adalah bertanggungjawab dan haruslah tidak menggunakan data peribadi Peserta di dalam sebarang cara selain daripada apa yang dinyatakan di sini.
23. Dengan mengambil bahagian dalam Promosi ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi Peserta kepada pihak Penganjur untuk tujuan menjalankan Promosi ini,
24. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a) hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan data peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi penganjur di alamat e-mel yang dinyatakan di bawah yang disediakan Penganjur dengan nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan data peribadi tersebut;
 - b) hak untuk mendapatkan salinan data peribadi yang dimiliki oleh Penganjur; dan
 - c) hak untuk membetulkan data peribadi yang tidak tepat.
25. Penganjur akan mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk menyimpan data peribadi Peserta dengan selamat dan memastikan, pemprosesan data yang dibuat oleh pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Penganjur boleh mendedahkan data peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah tanpa sebarang notifikasi terlebih dahulu.
26. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Promosi ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

TERMA DAN SYARAT AM

27. Penganjur berhak untuk meminda, mengubah, memadam Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan/atau mengubah, membatalkan, menamatkan atau menangguhkan Promosi ini pada bila-bila mengikut budi bicara mutlak mereka tanpa memberi notis terlebih dahulu. Tiada pampasan dalam bentuk tunai atau bentuk lain akan diberi bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi yang ditanggung oleh Peserta yang Layak disebabkan perkara di atas.
28. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Penganjur tidak memberi apa-apa jua jaminan atau perwakilan, sama ada secara nyata atau tersirat, berhubung dengan Promosi ini termasuk dan tidak terhad kepada hadiah-hadiah yang ditawarkan. Penganjur juga tidak memberi apa-apa jaminan tentang kualiti dan kebolehgunaan yang berkaitan dengan hadiah-hadiah yang ditawarkan.

29. Penganjur tidak bertanggungjawab dan tidak akan menerima apa-apa liabiliti dalam apa jua bentuk yang dialami oleh mana-mana Peserta yang Layak, yang diakibatkan secara terus atau sebaliknya dari Promosi ini.
30. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Promosi ini adalah muktamad.
31. Jika terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa Melayu, Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai..
32. Dengan menyertai Promosi ini, Peserta bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat seperti yang terkandung disini. Terma dan Syarat Promosi yang terkandung dalam laman web Penganjur <http://paynet.my> and <https://www.malaysiaairlines.com/my/en.html> akan mengatasi sebarang terma dan syarat yang tidak konsisten yang terkandung di dalam bahan atau iklan lain bagi tujuan Promosi ini.
33. Terma dan Syarat ini dipantau dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.

[TAMAT]